

NO SOALAN :459

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN
(PENGKALAN CHEPA)****PERTANYAAN : BERTULIS**

Y.B. DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN [PENGKALAN CHEPA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status perkembangan projek Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) dan adakah rakyat tempatan mendapat manfaat peluang pekerjaan daripada projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Sesi Pemeriksaan Awam (*Public Inspection*) yang merupakan satu keperluan di bawah Seksyen 84 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri pada 8 Mac 2017 yang lalu. Sesi tersebut

berlangsung selama 90 hari, bermula pada 8 Mac 2017 dan berakhir pada 7 Jun 2017 dan dilaksanakan di 38 lokasi terpilih di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor, bertempat di pejabat-pejabat daerah termasuk ibu pejabat Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan MRL. Tujuan utama Sesi Pemeriksaan awam diadakan adalah bagi mempamerkan cadangan laluan kereta api dari Wakaf Bharu, Kelantan hingga Terminal Pengangkutan Bersepadu (ITT) Gombak, Selangor. Sesi tersebut juga turut mempamerkan lokasi stesen pertukaran dengan landasan sedia ada dan memberi penjelasan terperinci berkaitan projek ECRL kepada orang awam. Maklumbalas yang diperolehi mendapati bahawa sebanyak 95% responden menyokong pelaksanaan projek berimpak tinggi nasional ini.

Selain itu, pihak MRL juga telah berjaya memperoleh kelulusan muktamad Skim Kereta Api dari Suruhanjaya Awam Darat pada 23 Jun 2017 manakala kelulusan laporan EIA (*Environmental Assessment Report*) pula telah diterima dari pihak Jabatan Alam Sekitar pada 20 Jun 2017. Oleh yang demikian, proses pengambilan tanah bagi jajaran ECRL akan dilaksanakan pada tahun 2017 dan membolehkan kerja-kerja pembinaan projek dapat dimulakan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat,

Projek ECRL bukan sahaja memberi kelebihan yang besar kepada negara, malahan memberi manfaat yang besar kepada rakyat tempatan. Projek infrastruktur rakyat ini akan menjana lebih banyak peluang pekerjaan secara langsung dan tidak langsung kepada penduduk tempatan melalui pembinaan rel serta pembangunan koridor di sepanjang jajaran ECRL. Rakyat juga akan memperolehi manfaat berikutan peningkatan produktiviti dalam pelbagai sektor ekonomi termasuk pembinaan, pembuatan dan perkhidmatan, terutama dalam industri perdagangan, logistik, pelancongan, restoran dan peruncitan.

Selain itu, bagi memastikan rakyat tempatan terutamanya golongan belia mendapat faedah yang lebih besar dari pembinaan ECRL, MoU bagi Program Latihan Kemahiran Industri Projek ECRL di antara Malaysia, *China Communications Construction Company* (CCCC) serta institusi pengajian tinggi awam, institut kemahiran dan kolej komuniti tempatan telah ditandatangani sebagai satu inisiatif peningkatan kemahiran graduan tempatan yang berpotensi untuk diambil bekerja bagi projek ECRL. Inisiatif ini akan meningkatkan lagi kapasiti tenaga mahir di kalangan belia tempatan, seterusnya

meningkatkan daya saing negara dalam industri rel.